

22/09/1997

Asap: PM mahu kilang henti operasi

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan kilang yang mengeluarkan asap supaya memberhentikan operasi buat sementara dalam usaha membantu kerajaan mengatasi masalah jerebu yang dihadapi oleh negara sekarang.

Perdana Menteri juga mahukan kerja tanah dikurangkan dan mereka yang mengendalikan kerja itu hendaklah membasahkan tanah supaya habuk tidak naik ke udara.

"Sesetengah kilang yang mengeluarkan asap sepatutnya berhentilah, kerja korek tanah hendaklah siramkan air supaya tidak ada debu naik," katanya ketika diminta mengulas mengenai jerebu di negara ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dari Tawau, Sabah selepas merasmikan kongres Parti Maju Sabah (SAPP). Dr Mahathir tiba di Tawau pagi tadi dari Hong Kong kerana menghadiri mesyuarat Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Jumaat lalu, Dr Mahathir selaku Pengarah Keselamatan Negara mengisytiharkan keadaan darurat jerebu di Sarawak selepas Indeks Pencemar Udara (API) di negeri itu mencecah angka 625, jauh melepasi tahap bahaya 301-500.

Perdana Menteri berkata, pelbagai langkah sudah diambil untuk mengatasi masalah jerebu dan buat masa ini lapan pesawat diguna untuk kerja pembenihan awan.

Ketika diberitahu bahawa catatan indeks itu menunjukkan penurunan di kawasan tertentu tetapi jerebu dilihat masih tebal, beliau berkata kajian perlu dibuat mengikut ukuran saintifik dan "jika kita nak buat ikut pandangan kita, susahlah."

Beliau berkata, keadaan darurat di Sarawak kekal sungguhpun indeks di negeri itu sudah menurun.

"Kita nak tengoklah keadaan di sana, bagilah sedikit masa, nanti bila kita tarik balik pengisytiharan itu, dia (jerebu) datang pula," katanya.

Dr Mahathir berkata keadaan jerebu sukar diramal kerana "sekejap ada, sekejap tiada".

"Misalnya pada hari ini, sebelum saya sampai di Tawau, keadaan jerebu agak teruk sehingga beberapa pesawat tidak boleh mendarat, tetapi apabila saya sampai, keadaannya cerah dan pesawat boleh mendarat," katanya.

Mengenai bantuan dari negara-negara asing untuk membantu Malaysia mengatasi jerebu, Perdana Menteri berkata sungguhpun permohonan telah dibuat, sehingga hari ini hanya Perancis yang menghantar satu pasukan.

Beliau berkata, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam akan bermesyuarat esok untuk mengkaji semua usaha yang sudah dibuat untuk mengatasi masalah jerebu dan langkah baru yang perlu diambil.

Dr Mahathir juga kesal dengan syarikat Malaysia yang terbabit membakar hutan di Indonesia kerana tidak tampil ke hadapan membantu mengatasi masalah yang berpunca daripada pembakaran itu.

Katanya, sebanyak 18 syarikat dikenal pasti yang terlibat membakar hutan itu tetapi hanya Tabung Haji yang tampil ke hadapan untuk membantu.

"Yang lainnya nampaknya tidak tampil ke hadapan, mereka dah tahu kerana kita sudah pengumuman dalam surat khabar, dan nampak mereka tidak begitu respond untuk menolong sedangkan mereka yang terbabit.

"Sekarang kita nak tengok apa yang mereka nak buat," katanya merujuk kepada syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai usaha sama dengan

syarikat-syarikat Indonesia yang terbabit dalam pembakaran hutan untuk pembukaan ladang.

(END)